

Kerajaan tanggung RM201,185 kos makan harian 15,552 tahanan

4 kali sehari menu sihat PATI

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Purata RM201,185 sehari dibelanjakan kerajaan bagi menampung kos makanan 15,552 pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditahan di 14 depot Jabatan Imigresen di seluruh negara.

Ini bermakna, sebanyak RM36.21 juta dibelanjakan untuk menanggung PATI dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Kos ini menggunakan hasil kutipan kerajaan.

Kos tersebut tidak termasuk perubatan percuma kepada PATI, selain menempatkan beberapa pegawai perubatan di setiap depot bagi memberi rawatan awal sebelum mereka dibawa ke hospital.

Ini sekali gus menepis laporan media antarabangsa, Al Jazeera baru-baru ini yang mendakwa Malaysia memberi layanan buruk dan diibaratkan seperti haiwan terhadap PATI.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzamee Daud berkata, purata kos makanan setiap PATI RM12 sehingga RM14 sehari mengikut depot.

Katanya, dengan peruntukan tersebut, mereka makan empat kali sehari iaitu sarapan, makan tengah hari, minum petang dan malam.

"Menu pula berkhasiat dan diluluskan Kementerian Kesihatan. Semua kos dan prosedur tersebut bagi memastikan hak asasi semua PATI terpelihara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Khairul Dzamee, kebiasaannya PATI terpaksa berada di depot sebulan hingga



DEPOT tahanan imigresen di KLIA antara yang sentiasa sesak dengan PATI.

dua bulan sebelum dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Justeru, kata beliau, pihak kedutaan diminta segera menyediakan dokumen perjalanan dan tiket balik kepada rakyat mereka yang ditahan didepot imigresen agar PATI dapat dihantar pulang dengan cepat.

Penghantaran pulang PATI berkenaan, turut membantu mengurangkan beban kewangan ditanggung kerajaan.

Selain itu, dedah Khairul Dzamee, kebanjiran PATI menyebabkan lapan daripada 14 depot tahanan melebihi kapasiti dan mengalami kesesakan.

Katanya, sehingga 19 Julai lalu, terdapat 15,552 PATI ditempatkan di depoh-depot imigre-

sen seluruh negara berbanding kapasiti sebenar hanya 12,530.

"PATI tertinggi adalah rakyat Indonesia 5,259, diikuti Myanmar (3,969), Bangladesh (2,610), India (932), Vietnam (613), China (588), Thailand (400), Filipina (310), Nepal (230), Pakistan (209) dan lain-lain warganegara (432)," ujarnya.

T a m b a h Khairul Dzamee, jumlah PATI yang diuisir dalam tempoh sama sebanyak 19,917.

INFO

TAHANAN SEMASA PATI JANUARI HINGGA 19 JULAI 2020

JUMLAH: **15,552** orang

Tahanan mengikut warganegara

Indonesia	5,259
Myanmar	3,969
Bangladesh	2,610
India	932
Vietnam	613
China	588
Thailand	400
Filipina	310
Nepal	230
Pakistan	209
Lain-lain	432

JUMLAH PENGUSIRAN PULANG PATI

JUMLAH: **19,917**

Indonesia	8,693
Bangladesh	2,586
Myanmar	1,890
India	1,209
Thailand	1,660
China	1,154
Pakistan	923
Vietnam	646
Nepal	176
Cambodia	271
Lain-lain	709

DATUK KHAIRUL DZAMEE DAUD

